

13/04/1997

Kronologi kes Tan Sri Muhammad Muhd Taib

- * 16 DISEMBER 1996 - akhbar Australia, Financial Report, menyiarkan laporan ketibaan Muhammad untuk lawatan peribadi.
- * 22 Disember 1996 - ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang yang dibawa bernilai RM2.4 juta. Pegawai kastam menemui wang berkenaan dalam tiga mata wang, Malaysia, New Zealand dan Singapura dalam bagasinya.
- * 23 Disember 1996 - dihadapkan di Mahkamah Majistret Brisbane atas tuduhan mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan. Tiada kenyataan dicatat dan dikehendaki hadir di mahkamah itu pada 21 Mac 1997.
- * 25 dan 26 Disember 1996 - Muhammad dikatakan bercuti di New Zealand.
- * 26 Disember 1996 - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Muhammad memberi penjelasan.
- * 26 Disember 1996 - Badan Perhubungan Umno Selangor membuat kenyataan akhbar berdiri teguh dan memberi sokongan kepada Muhammad dalam kesnya. Badan itu juga menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan.
- * 28 Disember 1996 - Dewan Pemuda Pas membuat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).
- * 28 Disember 1996 - Dr Mahathir berkata tindakan terhadap Muhammad akan ditentukan jika didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Brisbane.
- * 29 Disember 1996 - Muhammad pulang ke Malaysia dari New Zealand.
- * 30 Disember 1996 - Muhammad membuat kenyataan penuh mengenai penahanan dan wang tunai itu. Kenyataan dibuat dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Umno Selangor.
- * 30 Disember 1996 - Badan Pencegah Rasuah (BPR) membuat kenyataan mungkin memanggil Muhammad untuk siasatan.
- * 1 Januari 1997 - Perdana Menteri berkata, BPR berhak menyiasat Muhammad berhubung kes itu.
- * 2 Januari 1997 - Pergerakan Pemuda Umno Malaysia puas hati dengan penjelasan Muhammad mengenai kes itu.
- * 5 Februari 1997 - Muhammad menafikan ada komplot yang cuba menjatuhkannya.
- * 12 Mac 1997 - Kes beliau disebut di Mahkamah Majistret Brisbane tetapi ditunda ke 11 April.
- * 3 April 1997 - Parti Rakyat Malaysia (PRM) meminta Muhammad meletak jawatan.
- * 7 April 1997 - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata BPR sudah menyiasat Muhammad.
- * 10 April 1997 - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Abdul Aziz mengesahkan empat pegawai BPR ke Australia untuk menyiasat kes itu.
- * 11 April 1997 - Mahkamah Majistret Brisbane diberitahu bahawa Muhammad akan menghadapi satu lagi tuduhan membuat pengisytiharan palsu apabila beliau hadir di mahkamah 19 Ogos ini. Muhammad sebelum ini menghadapi tuduhan cuba membawa keluar wang sebanyak RM2.4 juta.
- * 12 April 1997 - Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatan Muhammad sebagai Menteri Besar dan Ketua Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi BN Selangor/Wilayah Persekutuan.

(END)